

## Kempen EasyMenang

### **TEMPOH KEMPEN**

“Kempen EasyMenang” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 1 Ogos 2018 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 18 Disember 2018 pada 23:59:59 jam (11:59 mln), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diumumkan di sini atau diberitahu sebaliknya.

Kempen ini termasuk Promosi A, Promosi B, Peraduan dan Peraduan Visa payWave.

### **TERMA DAN SYARAT**

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&Cs”):-

### **KEMPEN PEROLEHAN KAD KREDIT (“PROMOSI A”)**

#### **KELAYAKAN PROMOSI A**

- Promosi A ini bermula pada 1 Ogos 2018 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 30 November 2018 pada 23:59:59 jam (11:59 mln), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi A”), melainkan diberitahu sebaliknya dan ia terbuka untuk penyertaan oleh Pemegang Kad Kredit Prinsipal Baharu-kepada-Kad (“NTC”) yang memohon Pilihan 1 atau Pilihan 2 bagi kad-kad kredit HLB (“Kad Layak”) sertaan seperti berikut semasa Tempoh Kempen dan Kad Layak itu berjaya mendapat kelulusan pada atau sebelum 31 Disember 2018 (“Pemegang Kad Layak Promosi A”).

<b>Pilihan 1</b>	<b>Pilihan 2</b>
Kad Kredit <b>MasterCard</b> Hong Leong DAN Kad Kredit <b>Visa</b> Hong Leong	Kad Kredit <b>Visa Infinite</b> Hong Leong ATAU Kad Kredit <b>Visa Infinite Doctor's Edition</b> Hong Leong

<b>Kad Layak</b>	
<b>Visa</b>	<b>Mastercard</b>
Infinite Ø	Platinum Business
Infinite	The Store Gold/ Platinum
Infinite Doctor's Edition	Pacific Gold/ Platinum
Sutera Platinum	Sutera Platinum
GSC Gold/ Platinum	GSC Gold/ Platinum
Gold	Gold
Essential	I'm
Fortune	
WISE Gold/ Platinum	

Bagi mengelakkan keraguan, untuk “Pilihan 1”, kedua-dua Kad Layak mestilah diluluskan agar Pemegang Kad NTC dapat menyertai Promosi A ini.

**Nota:** Pemegang Kad NTC adalah pemegang kad baharu yang tidak memegang sebarang Kad Kredit Prinsipal HLB sedia ada (termasuk Mach) dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Fasal 2 di bawah.

2. Golongan berikut tidak dianggap Pemegang Kad NTC, oleh itu **TIDAK** layak untuk menyertai Promosi A:
  - (a) Pemegang bagi sebarang Kad Kredit Prinsipal HLB yang setia ada;
  - (b) Pemegang Kad yang tidak lagi memegang sebarang Kad Kredit HLB yang sah dan/atau Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka yang delinkuen;
  - (c) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk Kad Layak) sebagai pemegang kad kredit prinsipal dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut; dan
  - (d) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad NTC hendaklah memberi maklumat yang terkini dan tepat (termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat surat-menjurat dan maklumat hubungan) kepada HLB apabila memohon Kad Layak, dan Pemegang Kad berkewajipan menghubungi HLB sekiranya tidak menerima Kad Layak yang diluluskan dalam masa 60 hari dari tarikh permohonan, jika tidak Pemegang Kad dianggap telah menerima Kad Layak dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad tidak dapat menyertai Promosi A ini atas apa jua sebab sekalipun.

### **MEKANISMA PROMOSI A**

3. Pemegang Kad Layak Promosi A akan layak menikmati tawaran berikut dengan syarat memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah ("Pemegang Kad Layak Promosi A"):
  - (a) **Pengecualian Fi Tahunan**  
Pemegang Kad Layak Promosi A yang melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit ("seperti ditakrif dalam Fasal 31 di bawah") bagi setiap Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Promosi A dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak menikmati pengecualian fi tahunan untuk tahun pertama bagi setiap Kad Layak. Bagi mengelakkan keraguan, Kad Layak seperti dinyatakan dalam Pilihan 1, Pemegang Kad Layak Promosi A mestilah melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Perbelanjaan Runcit atas kedua-dua kad dalam masa 45 hari dari tarikh kelulusan Kad Layak untuk melayakkan diri menikmati Pengecualian Fi Tahunan untuk tahun pertama.
  - (b) **Pulangan Tunai 25% ("Pulangan Tunai")**
    - i. Pemegang Kad Layak Promosi A mestilah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul sekurang-kurangnya RM300 dalam masa 45 hari dari tarikh kelulusan kad dengan salah satu (1) atau lebih daripada satu (1) Kad Layak yang diluluskan di bawah Promosi A.

- ii. Pulangan Tunai setiap Pemegang Kad Layak Promosi A dihadkan pada RM200 sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira bilangan Kad Layak yang dipohon. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Promosi A ini dihadkan pada RM2,000,000, atas dasar siapa cepat dia dapat.
- iii. Sekiranya Pemegang Kad Layak Promosi A telah memenuhi syarat seperti dinyatakan dalam Fasal 3(b)(i) di atas, maka Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Prinsipal Pemegang Kad Layak Promosi A dalam masa empat (4) bulan dari tarikh kelulusan kad. Pemegang Kad Layak Promosi A akan diberitahu oleh HLB melalui penyiaran senarai Pemegang Kad Layak Promosi A dalam laman web HLB di [www.hlb.com.my/easy](http://www.hlb.com.my/easy) ("Laman Web HLB") selewat-lewatnya 1 March 2019 ("Pemberitahuan").
- iv. Pemegang Kad Layak Promosi A hendaklah memberitahu HLB dalam masa lima (5) bulan dari tarikh kelulusan Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, jika gagal berbuat demikian maka Pemegang Kad Layak Promosi A dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang rayuan untuk mendapat bayaran ganti Pulangan Tunai tidak akan dilayani.
- v. HLB tidak berkewajipan memberitahu Pemegang Kad Layak Promosi A seandainya Pulangan Tunai mencapai Peruntukan Pulangan Tunai Maksimum semasa Tempoh Kempen.

Pengecualian Fi Tahunan dan Pulangan Tunai bagi Promosi A tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang.

#### **KEMPEN PENGGUNAAN KAD KREDIT & DEBIT (“PROMOSI B”)**

##### **KELAYAKAN PROMOSI B**

- 4. Promosi B ini bermula pada 1 Ogos 2018 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 30 November 2018 pada 23:59:59 jam (11:59 mlm), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi B”), melainkan diberitahu sebaliknya dan ia terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Prinsipal dan Pemegang Kad Debit Utama HLB yang baharu dan sedia ada termasuk semua Kad Kredit/Debit Hong Leong Mach sedia ada yang dikeluarkan oleh HLB (“Kad-kad HLB”) yang tidak dikecualikan daripada menyertai Promosi B ini seperti yang ditetapkan dalam Fasal 5 di bawah (“Pemegang Kad Layak HLB”).
- 5. Pemegang Kad Layak HLB tidaklah termasuk golongan berikut:
  - (a) Pemegang Kad yang memiliki Kad-kad HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
  - (b) Pemegang Kad yang akaun Kad-kad HLB mereka TIDAK berkedudukan baik, tidak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (“CASA”) yang telah ditutup, tidak aktif atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat akaun Kad Kredit dan/atau Debit dan/atau CASA HLB pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen;
  - (c) Pemegang Kad yang akaun Kad-kad HLB mereka dipercayai telah dikandalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad-kad HLB mereka tidak sah atau dibatalkan menurut takrif HLB pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen sehingga berakhirnya pemenuhan syarat; dan/atau
  - (d) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/ HLISB atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

### **MEKANISMA PROMOSI B**

6. Pemegang Kad Layak HLB akan berpeluang memenangi Pulangan Tunai sebanyak RM18 berpandukan kriteria yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Bulan Kalendar Kelayakan	Peruntukan Maksimum Pulangan Tunai RM18	Kriteria
1 Ogos 2018 – 31 Ogos 2018	RM500,004	Pemegang Kad-kad HLB yang melakukan minimum RM50 Perbelanjaan Runcit Promosi B (“seperti ditakrif dalam Fasal 7 di bawah”) dalam satu resit dan mempunyai slip terminal pedagang dengan APP CODE (Kod Kelulusan) berakhiran nombor “88” akan berpeluang memenangi Pulangan Tunai RM18 bagi setiap Bulan Kalendar Kelayakan, tertakluk pada Fasal 9-11 di bawah (“Pemegang Kad Layak Promosi B Disaring”)
1 Sept 2018 – 30 Sept 2018	RM500,004	
1 Okt 2018 – 31 Okt 2018	RM500,004	
1 Nov 2018 – 30 Nov 2018	RM500,004	

7. “Perbelanjaan Runcit Promosi B” bermaksud pembelian runcit yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan/atau mata wang lain di tempat jualan atau bersemuka (kehadiran kad) di pusat runcit berkenaan yang telah berjaya dicaj kepada Kad-kad HLB. Perbelanjaan Runcit Promosi B yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa urus niaga.

Bagi mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Runcit Promosi B **TIDAK TERMASUK** yang berikut:

- a) Apa-apa perbelanjaan runcit yang dilakukan tanpa kehadiran kad (iaitu dalam talian, pesanan mel, pesanan telefon, pengebilan auto, dll.);
  - b) Pengeluaran tunai melalui apa jua cara [iaitu Mesin Juruwang Automatik (ATM), kaunter, kuasi-tunai, dll.];
  - c) Produk portfolio seperti Pindahan Baki (BT), Call-For-Cash Plus (CFC+), Call-For-Cash (CFC) dan Pelan Pembayaran Fleksi (FPP);
  - d) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
  - e) Apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.
8. Perbelanjaan Runcit Promosi B yang dibuat oleh Pemegang Kad Kredit Tambahan di bawah akaun HLB Pemegang Kad Kredit Prinsipal yang sama juga akan dimasukkan dalam pengiraan kelayakan Pemegang Kad Kredit Prinsipal untuk menerima Pulangan Tunai RM18.
9. Pemegang Kad Layak Promosi B Disaring akan menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) daripada penyedia perkhidmatan SMS lantikan HLB iaitu M3 Technologies (Asia) Berhad (“M3 Tech”), mengandungi satu (1) soalan dan arahan untuk menjawab, melalui nombor telefon mereka yang terkini seperti yang diberi kepada HLB dan seperti yang terdapat dalam rekod HLB.
10. Pemegang Kad Layak Promosi B Disaring yang membalaik melalui SMS dengan jawapan yang betul dan dalam format yang betul seperti diarahkan dalam SMS yang dihantar oleh HLB akan berpeluang memenangi Pulangan Tunai RM18 atas dasar siapa cepat dia dapat berpandukan

Peruntukan Pulangan Tunai RM18 Maksimum RM18 bagi setiap Bulan Kalendar Kelayakan (“Pemenang Promosi B”).

- 11.Sekiranya Pemegang Kad Layak Promosi B Disaring memberi jawapan yang salah dan / atau tidak membalias soalan yang dihantar oleh HLB melalui SMS dalam masa satu (1) hari kalender akan terlucut kelayakannya.
- 12.Pemegang Kad Layak Promosi B Disaring akan menanggung sendiri kos jawapan SMS mereka apabila menyertai Promosi B ini.
- 13.HLB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran atau penerimaan mesej SMS kepada atau daripada mana-mana penyedia perkhidmatan telco yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Layak Promosi B Disaring terlepas dari menyertai Promosi B ini.

#### **PEMENUHAN PROMOSI B**

- 14.Akaun Kad HLB Pemenang Promosi B mestilah sah / aktif, berkedudukan baik pada masa pemberian Pulangan Tunai RM18 itu; jika tidak dia akan terlucut kelayakannya daripada menerima Pulangan Tunai RM18 dalam Promosi B.
- 15.Pulangan Tunai RM18 akan dikreditkan dalam masa empat (4) minggu setelah tamatnya setiap Bulan Kalendar Kelayakan. Pemenang Promosi B berkewajipan memaklumkan HLB secara bertulis sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai RM18 dalam tempoh 60 hari dari Tempoh Promosi berakhir, jika tidak Pemegang Promosi B dianggap telah dapat Pulangan Tunai RM18 tersebut dan sebarang rayuan/permintaan untuk bayaran ganti Pulangan Tunai RM18 tidak akan dilayani.
- 16.Pengumuman Pemenang Promosi B (contoh, nama dan nombor MyKad / pasport (“KP”) dalam bentuk terselindung) akan dilakukan dalam Laman Web HLB dalam masa empat (4) minggu setelah tamatnya setiap Bulan Kalendar Kelayakan.

#### **PERADUAN KAD HONG LEONG (“PERADUAN”)**

##### **TEMPOH PERADUAN**

- 17.“Peraduan Kad Hong Leong” HLB (“Peraduan”) bermula pada 15 Ogos 2018 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 18 Disember 2018 pada 23:59:59 jam (11:59 mln), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Peraduan”), melainkan diberitahu sebaliknya.

##### **KELAYAKAN PERADUAN**

- 18.Peraduan terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Prinsipal dan Pemegang Kad Debit Utama HLB yang baharu dan sedia ada termasuk semua Kad Kredit/Debit Hong Leong Mach sedia ada yang dikeluarkan oleh HLB (“Kad-kad HLB”) yang tidak dikecualikan daripada menyertai Peraduan ini seperti ditetapkan dalam Fasal 5 di atas (“Pemegang Kad Layak Peraduan”).
- 19.Pemegang Kad Layak Peraduan tidak meliputi kakitangan HLB dan HLISB sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana wakil atau ejen HLB dan HLISB (termasuk juruaudit luar,

vendor, pembekal, egensi pengiklanan dan peraduan) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, suami/isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik).

### **MEKANISMA PERADUAN**

20. Pemegang Kad Layak Peraduan yang memenuhi Kriteria Peraduan semasa Tempoh Peraduan akan menerima Penyertaan Peraduan seperti tertera di bawah (“Jadual 1”). Pemegang Kad Layak Peraduan akan memperoleh dan mengumpulkan Penyertaan Peraduan dan berpeluang memenangi Hadiah Peraduan (“Jadual 2”) pada akhir Tempoh Peraduan:

Jadual 1

Kriteria Peraduan	Penyertaan Peraduan bagi Pemegang Kad Visa	Penyertaan Peraduan bagi Pemegang Kad Mastercard
Setiap pendaftaran Connect baharu	10 penyertaan	
Setiap Pemegang Kad Kredit Prinsipal Baharu atau Pemegang Kad Kredit Tambahan atau Pemegang Kad Debit yang diluluskan	10 penyertaan	
Setiap Perbelanjaan Runcit RM50 (“seperti ditakrif dalam Fasal 31”) dalam satu transaksi	2 penyertaan	1 penyertaan
Setiap penukaran/pindahan RM1,000 atas Pindahan Baki (BT), Call-for-Cash Plus (CFC+), Call-for-Cash (CFC) atau Pelan Pembayaran Fleksi (FPP) (bagi Pemegang Kad Kredit Prinsipal sahaja)	1 penyertaan	

Jadual 2

Hadiah Peraduan	Tarikh Peraduan	Pulangan Tunai	Peruntukan Pulangan Tunai Maksimum	Bilangan Pemenang Peraduan
Hadiah Utama	15 Ogos 2018 – 18 Dis 2018	RM100,000 dalam Tempoh Peraduan	RM100,000	Satu (1) pemenang
Hadiah Bulanan	15 Ogos 2018 - 11 Sep 2018	RM10,000 setiap bulan	RM40,000	Empat (4) pemenang (1 pemenang setiap bulan)
	12 Sep 2018 - 16 Okt 2018			
	17 Okt 2018 - 20 Nov 2018			
	21 Nov 2018 - 18 Dis 2018			
Hadiah Mingguan	15 Ogos 2018 - 21 Ogos 2018	RM1,000 setiap minggu	RM18,000	Lapan Belas (18) pemenang (1 pemenang setiap minggu)
	22 Ogos 2018 - 28 Ogos 2018			
	29 Ogos 2018 - 4 Sep 2018			
	5 Sep 2018 - 11 Sep 2018			
	12 Sep 2018 - 18 Sep 2018			
	19 Sep 2018 - 25 Sep 2018			
	26 Sep 2018 - 2 Okt 2018			
	3 Okt 2018 - 9 Okt 2018			
	10 Okt 2018 - 16 Okt 2018			
	17 Okt 2018 - 23 Okt 2018			
	24 Okt 2018 - 30 Okt 2018			
	31 Okt 2018 - 6 Nov 2018			
	7 Nov 2018 - 13 Nov 2018			
	14 Nov 2018 - 20 Nov 2018			
	21 Nov 2018 - 27 Nov 2018			

	28 Nov 2018 - 4 Dis 2018		
	5 Dis 2018 - 11 Dis 2018		
	12 Dis 2018 - 18 Dis 2018		

Bagi mengelakkan keraguan, Penyertaan Peraduan yang diperolehi daripada Pemegang Kad Kredit Tambahan akan digabungkan dengan Penyertaan Peraduan yang diperolehi daripada Pemegang Kad Kredit Prinsipal bagi tujuan Peraduan ini.

21.Jumlah peruntukan Hadiah Peraduan bagi Peraduan ini dihadkan pada RM158,000 (23 pemenang).

22.Setiap Pemegang Kad Layak Peraduan berpeluang untuk memenangi satu (1) Hadiah Mingguan sahaja. Tetapi, Pemenang Hadiah Mingguan masih berpeluang untuk memangi Hadiah Bulanan dan/atau Hadiah Utama. Bagi mengelakkan keraguan, setial Pemegang Kad Layak Peraduan, hanya berpeluang untuk memenangi satu (1) Hadiah Bulanan sahaja.

### 23.Pemilihan dan Pemenuhan Pemenang Peraduan:

- (a) Berdasarkan Penyertaan Peraduan yang diperolehi, sepuluh (10) Pemegang Kad Layak Peraduan akan disaring berdasarkan sistem pemilihan rambang berkomputer selepas berakhirnya minggu, bulan dan/atau Tempoh Peraduan (“Pemegang Kad Layak Peraduan Disaring”). Pemegang Kad Layak Peraduan Disaring akan dihubungi oleh HLB atau pengurusan peraduan lantikannya, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574-V) (“Dynamic Search”) atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Pemegang Kad Layak Peraduan Disaring seperti terdapat dalam rekod HLB pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi Soal Jawab untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diumumkan sebagai pemenang Hadiah Utama, Hadiah Bulanan dan Hadiah Mingguan (“Pemenang Peraduan”).
- (b) Pemegang Kad Layak Peraduan berkewajipan memastikan nombor telefon mereka yang diberi adalah terkini dan sah dan HLB/Dynamic Search tidak akan bertanggungjawab sekiranya HLB/Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pemegang Kad Layak Peraduan Disaring atas sebarang sebab.
- (c) Jika percubaan pertama untuk menghubungi Pemegang Kad Layak Disaring yang pertama dikenal pasti bagi setiap Hadiah Peraduan gagal, iaitu atas apa jua sebab sekalipun seperti tidak menjawab panggilan, nombor telefon bimbit tidak aktif, tiada hubungan talian atau apa jua sebab, maka dua (2) lagi percubaan akan dibuat untuk menghubungi Pemegang Kad Layak Peraduan Disaring itu. Jika percubaan ketiga juga tidak berjaya, maka Pemegang Kad Layak Peraduan Disaring yang dikenal pasti seterusnya akan dihubungi. Proses ini akan diteruskan sehingga Pemenang Peraduan telah dikenal pasti.
- (d) Hadiah Peraduan akan dikreditkan kepada akaun Pemegang Kad Kredit Prinsipal/Debit Utama Pemenang Peraduan dalam masa dua (2) bulan pada akhir Tarikh Peraduan masing-masing. Pemenang Peraduan akan diberitahu oleh HLB melalui penyiaran senarai Pemenang Peraduan dalam Laman Web HLB sebelum 1 March 2019 (“Pemberitahuan”).
- (e) Sekiranya Hadiah Peraduan tidak diterima, Pemenang Peraduan hendaklah memberitahu HLB dalam masa satu (1) bulan dari tarikh Pemberitahuan, jika gagal berbuat demikian Pemenang Peraduan dianggap telah menerima Hadiah Peraduan dan sebarang rayuan untuk mendapat bayaran ganti Hadiah Peraduan tersebut tidak akan dilayani.
- (f) HLB tidak berkewajipan untuk memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak Peraduan seandainya Hadiah Peraduan telah mencapai Peruntukan Pulangan Tunai Maksimum semasa Tempoh Peraduan.

- (g) Hadiah Peraduan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang.

#### **PERADUAN VISA PAYWAVE (“Peraduan Visa payWave”)**

##### **TEMPOH PERADUAN VISA PAYWAVE**

24. Peraduan Visa payWave HLB bermula pada 15 Ogos 2018 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 18 Disember 2018 pada 23:59:59 jam (11:59 mln), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Peraduan Visa payWave”), melainkan diberitahu sebaliknya.

##### **KELAYAKAN PERADUAN VISA PAYWAVE**

25. Peraduan Visa payWave terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Visa Prinsipal dan Pemegang Kad Debit Visa Utama HLB yang baharu dan sedia dan termasuk semua Kad Kredit/Debit Visa Hong Leong Mach sedia ada yang dikeluarkan oleh HLB (“Kad Visa HLB”) yang tidak dikecualikan daripada menyertai Peraduan Visa payWave ini seperti ditetapkan dalam Fasal 5 di atas (“Pemegang Kad Layak Visa”).

##### **MEKANISMA PERADUAN VISA PAYWAVE**

26. Pemegang Kad Layak Visa akan berpeluang memenangi Pulangan Tunai RM100 berdasarkan kriteria yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Hadiah Peraduan Visa payWave	Kriteria	Pulangan Tunai RM100	Peruntukan Maksimum Pulangan Tunai RM100	Bilangan Pemenang Visa payWave
Pulangan Tunai RM100 setiap hari	10 Pemegang Kad Layak Visa teratas yang mempunyai jumlah transaksi Visa payWave tertinggi dengan menggunakan Kad Visa HLB mereka atas setiap Perbelanjaan Runcit (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 7 di atas) dengan minimum RM50 dalam satu resit tunggal akan digelar pemenang untuk Peraduan Visa payWave ini ("Pemenang Visa payWave")	10 Pemenang Visa payWave setiap hari	RM126,000	1,260

Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya berlaku perhitungan transaksi Visa payWave tertinggi, 10 Pemegang Kad Layak Visa teratas dengan jumlah tertinggi terkumpul dari transaksi-transaksi Visa payWave mereka akan dianggap sebagai Pemenang Visa payWave. Setiap Pemegang Kad Layak Visa berpeluang untuk memenangi sehingga 10 kali Pulangan Tunai RM100 sepanjang Tempoh Peraduan Visa payWave.

27. Perbelanjaan Runcit yang dibuat oleh Pemegang Kad Kredit Tambahan di bawah akaun HLB Pemegang Kad Kredit Prinsipal yang sama juga akan dimasukkan dalam pengiraan kelayakan Pemegang Kad Kredit Prinsipal untuk berpeluang memenangi Pulangan Tunai RM100 setiap hari.

### **PEMENUHAN PERADUAN VISA PAYWAVE**

28. Akaun Pemegang Kad Layak Visa mestilah sah/aktif, berkedudukan baik pada masa pemberian Hadiah Visa payWave, jika tidak dia akan terlucut kelayakannya daripada menerima Pulangan Tunai RM100.

29. Pulangan Tunai RM100 akan dikreditkan setiap minggu sepanjang Tempoh Peraduan Visa payWave. Pemenang Visa payWave berkewajipan memaklumkan HLB secara bertulis sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai RM100 dalam tempoh 60 hari dari Tempoh Peraduan Visa payWave berakhir, jika tidak Pemegang Visa payWave dianggap telah dapat Pulangan Tunai RM100 tersebut dan sebarang rayuan/permintaan untuk bayaran ganti Pulangan Tunai RM100 tidak akan dilayani.

30. Pengumuman Pemenang Visa PayWave (contoh: nama dan nombor KP dalam bentuk terselindung) juga akan dilakukan dalam Laman Web HLB setiap minggu.

### **UMUM**

31. "Perbelanjaan Runcit" adalah berdasarkan kriteria berikut:

- (a) hendaklah **termasuk** pembelian runcit dan dalam talian, arahan tetap dan Pelan Pembayaran Ansuran (IPP) yang diurusniaga di dalam dan luar negara;
- (b) hendaklah **tidak termasuk** pengeluaran wang tunai melalui apa jua cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik, melalui kaunter, kuasi-tunai, dll.);
- (c) hendaklah **tidak termasuk** produk portfolio seperti Pindahan Baki (BT), Call-For-Cash Plus (CFC+), Call-For-Cash (CFC) dan Pelan Pembayaran Fleksi (FPP);
- (d) hendaklah **tidak termasuk** transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
- (e) hendaklah **tidak termasuk** apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

32. Dengan menyertai Kempen dan/atau Peraduan ini, Pemegang Kad NTC, Pemegang Kad Layak, Pemegang Kad Layak Peraduan dan/atau Pemegang Kad Layak Visa:

- (a) Bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit/Debit yang boleh disemak di Laman Web HLB;
- (b) Bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang terdapat dalam sistem HLB dalam Tempoh Kempen, Tempoh Peraduan dan/atau Tempoh Peraduan Visa payWave ini adalah tepat dan muktamad;
- (c) Bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa. Sebarang rayuan dan / atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
- (d) Bersetuju bahawa sebarang pembalikan transaksi akan dikecualikan;
- (e) Bersetuju bahawa pulangan tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang;
- (f) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan

kepada T&Cs Kempen ini dan untuk membuat susulan dengan HLB jika mereka telah disenaraikan untuk layak menerima pulangan tunai;

- (g) Memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan nama, nombor KP (dalam bentuk terlindung) dan/atau foto mereka dalam Laman Web HLB; dan
- (h) Membenarkan HLB untuk mendedahkan maklumat peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada M3 Tech dan/atau Dynamic Search atas budi bicara HLB bagi tujuan Kempen ini.

33.HLB berhak:

- (a) Menolak atas budi bicara mutlaknya mana-mana permohonan Kad Layak yang dikemukakan tanpa memberi sebarang sebab;
- (b) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Kempen ini;
- (c) Menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa atas apa jua sebab sekalipun yang difikir wajar menurut budi bicara mutlaknya. Khususnya, HLB mempunyai hak mutlak menolak kelayakan Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit menurut pengertian T&Cs ini, dengan cara atau pola yang menurut HLB adalah di luar kebiasaan, di luar aturan dan / atau menunjukkan suatu percubaan untuk beroleh kelebihan yang tidak adil atas Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa lain yang mempunyai cara atau pola pembelanjaan yang biasa/teratur, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa;
- (d) Melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai, Pulangan Tunai 18, Hadiah Peraduan dan/atau Pulangan Tunai RM100 dalam keadaan apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatkan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau Peraduan dan/atau pada masa pemberian Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai, Pulangan Tunai 18, Hadiah Peraduan dan/atau Pulangan Tunai RM100 atau ketidakpatuhan T&Cs di dalam ini;
- (e) Meminda jumlah Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai, Pulangan Tunai 18, Hadiah Peraduan dan/atau Pulangan Tunai RM100 dan/atau mengganti Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai, Pulangan Tunai 18, Hadiah Peraduan dan/atau Pulangan Tunai RM100 di dalam ini dengan hadiah lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB, untuk membolehkan notis awal diberi kepada Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa; dan
- (f) Menambah, menggugurkan atau meminda T&Cs di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, menurut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB, untuk membolehkan notis awal diberi kepada Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa tentang perkara menambah, menggugurkan atau meminda T&Cs atau penamatkan Kempen ini.

- 34.HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran dan / atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan / atau transaksi jualan oleh Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, syarikat Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa tertinggal daripada Kempen dan / atau Kempen ini.
- 35.Akaun Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana-mana T&Cs Kempen dan / atau Peraduan ini, dan / atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit / Debit pada masa pemberian Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai, Pulangan Tunai 18, Hadiah Peraduan dan/atau Pulangan Tunai RM100. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai, Hadiah Peraduan dan/atau Pulangan Tunai RM100 akan dikreditkan ke Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemenang Promosi B, Pemenang Peraduan atau Pemenang Visa payWave akaun Kad Kredit Hong Leong sebagai pemenuhan akaun utama jika Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemenang Promosi B, Pemenang Peraduan atau Pemenang Visa payWave memiliki akaun-akaun Kad Kredit Prinsipal/ Kad Debit Utama HLB.
- 36.T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
- 37.Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak Promosi A, Pemegang Kad Layak HLB, Pemegang Kad Layak Peraduan dan Pemegang Kad Layak Visa bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit/Debit hendaklah dibaca bersama-sama T&Cs di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara T&Cs ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Kad Kredit / Debit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
- 38.Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen dan/atau Peraduan ini, maka terma dan syarat muktamad yang dipaparkan dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.